



corporate profile

profil korporat

Since its inception on 1 November, 1992, the Group has been the primary operator and manager of Malaysia's 37 airports, including one of the world's most technologically-advanced airports, the K.L. International Airport (KLIA).

Sejak ditubuhkan pada 1 November, 1992, Kumpulan telah menjadi pengendali dan pengurus utama 37 buah lapangan terbang Malaysia, termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa K.L. (KLIA), salah sebuah lapangan terbang yang berteknologi paling canggih di dunia.

Currently, MAHB has nine subsidiaries. They are Malaysia Airports Sdn. Bhd., Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd., Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd., Malaysia Airports Management & Technical Services Sdn. Bhd., Sepang International Circuit Sdn. Bhd., Malaysia Airports (Properties) Sdn. Bhd., K.L. Airport Hotel Sdn. Bhd., MAB Agriculture-Horticulture Sdn. Bhd., and Malaysia Airports (Air Traffic Services) Sdn. Bhd. Its associated companies are

Urusan Teknologi Wawasan Sdn. Bhd., Kuala Lumpur Aviation Fuelling System Sdn. Bhd., and Cambodia Airport Management Services Limited.

The Group has proven itself with various achievements, among which is the operation and management of KLIA. It has pioneered the use of state-of-the-art technology in airport management, known as the Total Airport Management System (TAMS). The highly-acclaimed airport has been acknowledged by

the International Air Transport Association (IATA) for exceptional passenger services. In 1999, KLIA handled 13.2 million passengers and served 46 international airlines.

Upon the successful completion of its listing exercise on the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) in November 1999, MAHB became the first airport company to be listed in Asia, and one of just seven listed airport companies in the world.



15

Kini, MAHB mempunyai sembilan buah subsidiari. Mereka terdiri daripada Malaysia Airports Sdn. Bhd., Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd., Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd., Malaysia Airports Management & Technical Services Sdn. Bhd., Sepang International Circuit Sdn. Bhd., Malaysia Airports (Properties) Sdn. Bhd., K.L. Airport Hotel Sdn. Bhd., MAB Agriculture-Horticulture Sdn. Bhd., dan Malaysia Airports (Air Traffic Services) Sdn. Bhd. Syarikat bersekutunya pula adalah Urusan Teknologi Wawasan Sdn. Bhd., Kuala Lumpur Aviation Fuelling System Sdn.

Bhd., dan Cambodia Airport Management Services Limited.

Kumpulan telah membuktikan keupayaannya melalui berbagai pencapaian yang antaranya meliputi pengendalian dan pengurusan KLIA. Ia telah merintis penggunaan teknologi canggih dalam pengurusan lapangan terbang yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Yang Menyeluruh (Total Airport Management System – TAMS). Lapangan terbang terkemuka ini telah diiktiraf oleh Persatuan Pengangkutan Udara

Antarabangsa (IATA) kerana menawarkan perkhidmatan penumpang yang cemerlang. Pada tahun 1999, KLIA telah mengendalikan seramai 13.2 juta penumpang dan menyediakan perkhidmatan kepada 46 syarikat penerbangan antarabangsa.

Selepas berjaya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada bulan November 1999, MAHB menjadi syarikat lapangan terbang pertama yang disenaraikan di Asia dan merupakan salah satu daripada tujuh syarikat lapangan terbang yang disenaraikan di dunia.

The Group's core business activities include the development, management and maintenance of the airports under its wings, placing primary importance on the operational efficiency, safety and security of its passengers and aircrafts. It also provides airport management services for the Pochentong Airport in Cambodia through a joint-venture with Aeroports de Paris Managements S.A. Through its subsidiaries, MAHB is also involved in non-aeronautical activities

such as the management of duty free and non-duty free outlets, hotels, food & beverage services, free commercial zones, plantations, as well as the management of the Sepang F1 Circuit which is owned by the Group.

In April 1999, the Sepang F1 Circuit proudly hosted, for the first time, the Federation Internationale Motorcyclistes (FIM) World Motorcycle Grand Prix race and the Federation Internationale Automobile (FIA) Formula One

Championship in October 1999. The Formula One event was recently awarded World's Best Grand Prix in 1999, by Formula One Management Limited.

The Group currently has over 4,000 employees, across 37 offices nationwide ensuring its smooth operations.



Aktiviti perniagaan teras Kumpulan ini meliputi pembangunan, pengurusan dan penyenggaraan lapangan terbang di bawah pengurusannya, dengan memberi keutamaan terhadap kecekapan operasi keselamatan dan sekuriti para penumpang dan pesawat yang dikendalikan. Ia turut menyediakan perkhidmatan pengurusan lapangan terbang bagi Lapangan Terbang Pochentong di Kemboja melalui usahasama dengan Aeroports de Paris Managements S.A.

Melalui syarikat-syarikat subsidiari, MAHB turut terlibat dalam aktiviti bukan aeronautikal seperti pengurusan kedai-kedai bebas cukai dan bukan bebas cukai, perhotelan, perkhidmatan makanan dan minuman, zon perdagangan bebas, perlادangan serta pengurusan Litar F1 Sepang yang dimiliki oleh Kumpulan.

Pada bulan April 1999, Litar F1 Sepang dengan bangganya telah menjadi tuan rumah buat pertama kalinya untuk perlumbaan Grand Prix Motosikal

Dunia Federation Internationale Motorcyclistes (FIM) dan perlumbaan Kejuaraan Formula One Federation Internationale Automobile (FIA) pada bulan Oktober 1999. Baru-baru ini, acara Formula One tersebut telah diberi anugerah Grand Prix Terbaik Dunia 1999 oleh Formula One Management Limited.

Kini, Kumpulan mempunyai lebih 4,000 orang kakitangan yang berkhidmat di 37 buah pejabatnya di seluruh negara bagi memastikan kelancaran operasi perniagaannya.



INTERNATIONAL AIRPORTS •
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
 K.L. International Airport, Langkawi,
 Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching.

DOMESTIC AIRPORTS •
LAPANGAN TERBANG DOMESTIK
 Subang, Alor Setar, Ipoh, Melaka, Johor Bahru,
 Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Labuan,
 Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Miri, Sibu, Bintulu.

SHORT TAKE-OFF AND LANDING PORTS (STOLports) •
PADANG TERBANG (STOLports)
 Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Kudat, Semporna,
 Long Pasia, Kapit, Belaga, Marudi, Long Seridan,
 Bario, Long Lellang, Limbang, Long Semado,
 Bakelalan, Mulu, Lawas, Mukah.

airports operated by the group

lapangan terbang yang dikendalikan oleh kumpulan

17

● International Airport • Lapangan Terbang Antarabangsa

● Domestic Airport • Lapangan Terbang Domestik

● Short Take-off and Landing Ports (STOLports) •
 Padang Terbang (STOLports)

